

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: STML - Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi & Logistik
Sent: Wednesday, April 5, 2017 3:49 PM
To: UUM - All Staff
Subject: PROGRAM ILTIZAM DAN PEMANTAPAN PRESTASI PELAJAR STML



Assalamualaikum & Salam Sejahtera

05 Apr 2016 / 08 Rejab 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

PROGRAM ILTIZAM DAN PEMANTAPAN PRESTASI AKADEMIK: BANTU LONJAK PMK PELAJAR STML KE ARAH PMK 3.00



STML ONLINE: Jawatankuasa Pembangunan Pelajar dan Alumni (JKPPA) STML telah menganjurkan satu program motivasi kepada pelajar STML. Program yang telah diadakan pada 2 dan 3 Mac 2017 bermatlamat untuk membantu pelajar STML meningkatkan prestasi akademik dan memperbaiki PMK agar mencapai PMK 3.00. Program dua hari yang telah diadakan di INASIS Bank Rakyat telah berjaya mengumpul seramai 30 orang pelajar STML dari Program MOT, POM dan Logistik & Pengangkutan.

Pelbagai pengisian diperoleh para pelajar sepanjang tempoh dua hari program tersebut. Selepas pendaftaran pada jam 8.00 malam, pelajar mengikuti ceramah pertama yang telah diatur oleh Dr. Rohani Abdullah. Penceramah pertama iaitu ALUMNI STML iaitu En. Rosley Che Ros yang merupakan Senior Manager UPSB telah berkongsi pengalaman kejayaan dalam bidang akademik dan kerjaya. Beliau menekankan kepentingan redo ibu bapa sebagai pintu gerbang untuk berjaya. Selain itu beliau mengingatkan pelajar tentang kebijaksanaan membahagi masa antara akademik dan aktiviti luar. En. Rosley juga berkongsi pengalaman berkenaan ciri-ciri mahasiswa yang perlu ada bagi menarik perhatian majikan.

Pada hari kedua pelajar STML berpeluang mengenali dengan lebih rapat Pakar Psikologi dan Motivasi Pelajar dari Pusat Kaunseling UUM Encik Shahrin Bin Haji Ahmad. Encik Shahrin telah berjaya menaikkan semangat pelajar STML untuk terus berusaha menggapai PMK 3.00. Seterusnya tahap motivasi pelajar STML berjaya ditingkatkan lagi dengan penyampaian bersahaja tetapi amat mendalam oleh Dr. Emy Ezura A Jalil. Dr. Emy memberi amaran keras kepada pelajar berkenaan pentingnya mempunyai niat yang betul sebagai seorang mahasiswa. Beliau mengingatkan tidak mudah mengalah, usaha tanpa jemu dan berterusan merupakan resepi kepada PMK 3.00.

Dalam program motivasi ini juga para pelajar turut dibahagikan kepada kumpulan kecil (LDK). LDK yang telah diketuai oleh Dr. Rohaizah Saad dan turut dibantu oleh Dr. Zakirah Othman, Dr. Fadhilah Zahari, Dr. Siti Norhasmaedayu Mohd Zamani dan Dr. Noor Hidayah Abu. Melalui LDK ini, masalah-masalah yang menghalang pelajar untuk mencapai PMK 3.00 telah berjaya dikenalpasti. Antara masalah utama pelajar STML ialah kurang bijak membahagi masa dan lemah dalam Bahasa Inggeris. Program motivasi ini diakhiri dengan penyampaian oleh Encik Taufik Alias yang merupakan ALUMNI UUM. Beliau merupakan Chief Executive Officer Al-Falah Wealth Consultanci. Berdasarkan pengalaman sebagai seorang ahli perniagaan yang berjaya, Encik Taufik telah berkongsi ilmu berkenaan bagaimana untuk menguruskan masa dengan berkesan selain memperkenalkan teknik yang boleh digunakan oleh pelajar STML untuk menguruskan masa. Encik Taufik menyeru kepada pelajar STML untuk membuat perubahan 360 darjah dan jangan berputus asa jika ingin mencapai PMK 3.00.

Sekian.



Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi & Logistik (STML), Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah Malaysia
Website: <http://stmlportal.net/> | Tel: +6049287001 | Fax: +6049287070 | Email: stmlnet@uum.edu.my |



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.